

SOALAN NO: 211

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]
TARIKH :

SOALAN : 211**

YB Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap pengiktirafan ijazah perubatan dari Negara China. Adakah kerajaan akan menunaikan perjanjian antara China & Malaysia bahawa Malaysia akan mengiktiraf lebih banyak ijazah perubatan dari negara China.

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa kini terdapat sejumlah 2 buah universiti di Negara China yang mana kursus perubatan mereka diiktiraf di negara ini, iaitu:

- i. Shanghai Jiao Tong University
- ii. Fudan University

Sehubungan dengan itu, universiti yang diiktiraf ini disenaraikan di dalam Jadual Kedua Akta Perubatan 1971, dan mana-mana pelajar yang berjaya menyempurnakan dan lulus dalam pengajian perubatan di universiti berkenaan akan layak untuk diberikan pendaftaran '*provisional registration*' oleh Majlis Perubatan Malaysia untuk menjalani latihan siswazah.

Bagi graduan perubatan dari universiti yang tidak tersenarai dalam Jadual Kedua, Akta Perubatan 1971, mereka boleh menduduki peperiksaan khas (*Examination for Provisional Registration*) bagi tujuan pendaftaran dengan Majlis Perubatan Malaysia sebelum memulakan Housemanship.

Dengan mengambil kira status moratorium terhadap cadangan pengwujudan program perubatan yang baru dan juga mengambil kira jumlah graduan perubatan yang dihasilkan setiap tahun, MMC dalam perbincangan yang terdahulu telah menetapkan supaya tidak ada lagi penyenaian universiti yang baru ke dalam Jadual Kedua Akta Perubatan 1971.

RT16/212

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]
DARIPADA****JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA****PERTANYAAN BERTULIS**

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah perbelanjaan dan keseluruhan bajet bagi Sarawak setiap tahun oleh Kementerian dalam bidang pendidikan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah peruntukan belanja mengurus yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan jumlah perbelanjaan bagi negeri Sarawak dari tahun 2014 hingga 2016 adalah seperti berikut:

Tahun	Peruntukan (RM)
2014	3,547,619,579.48
2015	3,572,437,989.73
2016	4,033,358,220.88

Selain daripada itu, KPM juga telah menyalurkan peruntukan penyelenggaraan dan naik taraf sekolah-sekolah di Sarawak pada tahun 2015-2017 seperti berikut:

Tahun	Peruntukan (RM)
2015	55.2 juta
2016	6.21 juta
2017	14.61 juta

Kos keseluruhan projek yang diluluskan untuk negeri Sarawak di bawah peruntukan pembangunan (DE) dalam RMKe-11 ialah sebanyak RM3.047 billion. Projek-projek ini merupakan projek-projek yang telah diluluskan pelaksanaannya semenjak RMKe-10 (Tahun 2006 - 2010) dan RMKe-11 (Tahun 2016-2017) dan disambung pembinaannya dalam RMKe-11.

Bagi projek membangunkan semula sekolah daif secara IBS di Sarawak, sebanyak RM165 juta telah diluluskan di Pakej Rangsangan Khas di bawah Inisiatif Pembiayaan Swasta II (PFI II), tahun 2017, dan RM 67.38 juta bagi tahun 2016. Manakala di bawah Tabung Penyelenggaraan Sekolah, sebanyak RM191.993 juta telah diperuntukkan untuk penyelenggaraan sekolah bantuan modal (SJKC/SMJK/Sekolah mubaligh) di negeri Sarawak bagi tahun 2008 hingga 2017. Secara keseluruhannya, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM3.47 billion untuk projek pembangunan pendidikan di Sarawak.